

**PERSEPSI PELAJAR TAMHIDI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA TERHADAP KURSUS AL-MABADI' AL-
FIQHIYYAH: SATU KAJIAN AWAL**

**THE PERCEPTION OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA'S TAMHIDI SYARIAH
AND LAW STUDENTS ON AL-MABADI' AL-FIQHIYYAH COURSE: A PRELIMINARY
STUDY**

Wan Amir Nudin Wan Ishakⁱ, Sanusi Shariffⁱⁱ, Azniwati Abdul Azizⁱⁱⁱ, Rasmina Hasbullah^{iv},
Mohamed Akhiruddin Ibrahim^v, Irwan Mohd Subri^{vi} & Fakhtah Farashah Suhaimi^{vii}

ⁱ (Corresponding author). Guru Tamhidi, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
amirnudin@usim.edu.my

ⁱⁱ Guru Tamhidi, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Hj.sanusi@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). azniwati@usim.edu.my

^{iv} Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). rasmina@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
akhiruddin@usim.edu.my

^{vi} Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia & Prof. Madya Fakulti Syariah dan Undang-
Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). irwan@usim.edu.my

^{vii} Pembantu Penyelidik.

Abstrak	<p><i>Artikel ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Tamhidi Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap kursus al-Mabadi' al-Fiqhiyyah yang diambil oleh pelajar pada semester pertama. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian pada peringkat ini, membolehkan mereka meneruskan pengajian sama ada dalam bidang Sarjana Muda Undang-Undang & Syariah (SMUS) atau Sarjana Muda Fiqh & Fatwa (FIFA) di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM. Kajian ini menyentuh penilaian pelajar pada akhir semester terhadap kurikulum yang dipelajari termasuk metod pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga memberikan penekanan yang lebih utama terhadap enrolmen metod pengajaran dan pembelajaran. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif melalui pilot study (Tinjauan Awal) dengan menjalankan soal selidik kepada 30 orang responden di kalangan pelajar Pusat Tamhidi. Hasil kajian mendapati bahawa secara umumnya pelajar-pelajar ini memahami dan dapat mengaitkan dengan isu-isu semasa dan secara tidak langsung kursus ini berkait rapat dengan bidang-bidang utama iaitu Fiqh, Usul Fiqh dan Qawaid Fiqhiyyah. Kursus ini juga telah membekalkan ilmu pengetahuan asas perundangan Islam dan istilah-istilah Fiqh serta kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam perundangan Islam. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa kepentingan integrasi ilmu antaranya adalah sebagai pembangunan pendidikan, institusi dan fakulti selain dapat mengembangkan lagi skop pengajian yang telah ditetapkan. Maka, hasil tinjauan yang dilakukan dalam kajian ini juga boleh dijadikan penanda aras bagi Pusat Tamhidi untuk meneruskan dan melakukan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan ilmu Naqli dan Aqli.</i></p> <p><i>Kata kunci: Naqli, aqli, kurikulum, tamhidi, persepsi.</i></p>
Abstract	<p><i>This article aims to look at the perception of students of Tamhidi Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) of Al-Mabadi' al-Fiqhiyyah course enrolled by students in the first semester. Students who have finished</i></p>

their studies at this stage, will continue their studies either in the Bachelor of Syariah and Law (MSU) or Bachelor of Fiqh and Fatwa (FIFA) at the Faculty of Shariah & Law USIM. The study discussed on students' evaluation at the end of semester on the teaching and learning methods. The methodology used in this study was a quantitative method (questionnaire) through a Pilot Study as 30 Tamhidi students were the respondents. The study found that in general, the students can understand and relate the current issues to this course as it related to the main areas of Fiqh, Usul Fiqh and Qawaid Fiqhiyyah. The course also provided basic knowledge of Islamic law and Fiqh as well as skills needed in Islamic jurisprudence. The study found that the integration of knowledge among educational, institutional and faculty as well as to expand the scope of the studies have been intrigued students. As a result, this study can be used as a benchmark for Tamhidi to continue and enhance the teaching and learning process based on naqli and aqli knowledge i for this course.

Keywords: Naqli, aqli, curriculum, tamhidi, perception.

PENDAHULUAN

Usaha penubuhan Universiti Islam di Malaysia telah bermula sebelum Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan. Penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bermula 18 tahun lalu di mana perbincangan tentang pembentukan Universiti Islam milik negara sepenuhnya telah diadakan pada 25 September 1996. Pada 11 Jun 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan penubuhannya telah diwartakan pada 13 Mac 1998 (Kandil, Hisham Muhammad Taky Eldin, et. al, 2007).

KUIM memulakan tahun pengajiannya pada sesi akademik 2000/2001 dan telah mula mengorak langkah dengan penubuhan tiga Fakulti iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam. Ini selaras dengan dasar penubuhan KUIM yang menjadikan pengajian Islam yang merentasi semua bidang ilmu. Sehingga sesi 2004/2005, KUIM mempunyai seramai 1,664 orang pelajar manakala seramai 765 pelajar telah tamat pengajiannya dan telah dianugerahkan ijazah dalam bidang masing-masing. Konsep asas KUIM berteraskan kepada kesepaduan ilmu Naqli dan Aqli dalam semua program pengajian yang ditawarkan (Panduan 2005-2006 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, 2005).

Seawal penubuhannya, KUIM memulakan operasi awalnya di tingkat 5, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. KUIM kemudiannya berpindah ke Bangunan Institut Profesional Baitulmal (IPB), Lot,1363, Jalan Perkasa off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur. Kemudian telah menyewa sebuah lagi bangunan di Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur (<http://www.usim.edu.my/info/latar-belakang/sejarah-usim>).

Seterusnya KUIM berpindah kepada kampus induk yang terletak di Bandar Baru Nilai. Pemilihan pusat utama kampus induk KUIM di Bandar Baru Nilai adalah dipilih berikutan kedudukannya yang strategik dan terletak dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) (Jasmin Jaimon, et. al, 2015).

Pada tahun 2007, KUIM telah bertukar nama kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Selari dengan matlamat, USIM merupakan institusi pengajian tinggi awam ke -12 di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan seimbang antara aspek mental, fizikal dan rohani, USIM menekankan perspektif pendidikan yang menyeluruh ke arah penyatuan ilmu Naqli (wahyu), dan Aqli (rasional) selaras dengan falsafah, misi dan visi Universiti (Risalah USIM, 2015).

Seiring dengan hasrat untuk menjadikan USIM sebagai pusat rujukan integrasi Naqli dan Aqli, Pusat Tanggungjawab (PTJ) baru atau diberi nama Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) bakal menjadi penggerak utama dalam merialisasikan halatuju USIM iaitu untuk menjadikan USIM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia

dalam integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan efektif (Noorumaina Mohamed Yunus, 2015).

Hasrat penubuhan ini adalah bertepatan dengan manifestasi kerajaan untuk melahirkan pemimpin Islam yang berwibawa dan mampu untuk menjadi pendokong dalam memelihara kepentingan negara khususnya umat Islam sepenuhnya. Selain itu ia juga berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai model utama negara-negara Islam seantero dunia dan menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dengan menggunakan kurikulum tempatan untuk memastikan keutuhan Islam dalam negara demi merealisasikan pembinaan tamadun baru Islam. Ia juga bertujuan untuk mengembalikan ketokohan ilmu Islam yang semakin merosot dengan melatih para ilmuan muda agar dapat terus berkembang ke serata dunia (Musa Ahmad, 2015).

Memetik komentar yang diberikan oleh Menteri Pendidikan ketika itu, "Andai tiada negara Islam lain yang mampu, Malaysia akan menyahut dan mengambil alih daripada mereka untuk mewujudkan pusat kecemerlangan Islam bagi memperlihatkan agama Islam bukanlah mundur atau kolot, sebaliknya Islam adalah bersifat progresif" (Mohd Najib Abdul Razak, 1996).

Begitu juga kata-kata daripada Tun Mahathir semasa Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUIM seperti yang disiarkan di Utusan Malaysia pada 23 Ogos 2002 iaitu "Untuk menjadi sebuah negara Islam yang maju dan proaktif, umat Islam itu sendiri perlu meneroka bidang Sains dan Teknologi seperti mana yang ditunjukkan oleh beberapa orang pakar Islam terdahulu hingga menjadikan empayar Islam kuat pada ketika itu" (http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=7294).

PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PUSAT TAMHIDI

Pusat Tamhidi USIM mula ditubuhkan pada tahun 2004 dan beroperasi di Bangunan Kolej PolyTech MARA, Bangi. Ia menggunakan kemudahan makmal sains di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebagai platform sementara sehingga projek pembangunan Kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan siap dibina. Penubuhan Pusat Tamhidi pada tahun tersebut dimulakan dengan satu program iaitu Tamhidi Perubatan dengan pelajar perintis yang hanya berjumlah seramai 29 orang sahaja (Mohd Naser Mohd Sabri, et. al. 2015).

Program Tamhidi USIM merupakan program lulusan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bertujuan menyediakan calon untuk terus ke peringkat Ijazah Pertama. Tamhidi berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud 'Persediaan' sebagaimana istilah-istilah yang sama turut digunakan di beberapa buah tempat pengajian tinggi seperti 'Matrikulasi' di Kementerian Pelajaran Malaysia dan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 'Asasi' di Universiti Malaya, 'Tahun Asas' di Universiti Teknologi Malaysia atau serupa dengan program pra-universiti (STPM, HSC atau A' Level). Justeru, program Tamhidi adalah setara dengan program-program '*foundation*' atau asasi yang dijalankan oleh universiti-universiti yang telah tersenarai (<http://tamhidi.usim.edu.my/info-usim/latar-belakang>).

Dengan wujudnya bangunan Pusat Tamhidi, ia turut memberi kemudahan dan manfaat kepada jabatan-jabatan lain di USIM. Sehingga kini terdapat beberapa jabatan beroperasi di bangunan ini khususnya Institut Sains Islam (ISI), pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina dari Fakulti Sains & Teknologi di samping Institut Pengurusan Penyelidikan Halal (IHRAM) juga turut berada di bangunan makmal pelbagai guna Pusat Tamhidi. Penubuhan ini turut memberi kemudahan dan kesenangan dari sudut penggunaan infrastruktur dan ruang di bangunan Pusat Tamhidi yang dibuat secara optimum melalui perkongsian kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung, ia turut membuka ruang dan peluang kepada para pelajar untuk lebih aktif dan dinamik dalam semua perkara dan bidang. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan dan dilaksanakan menggunakan prasarana yang terdapat di bangunan Pusat Tamhidi bukan sahaja bagi tujuan kelas pembelajaran dan pengajaran malahan mesyuarat, bengkel, seminar, peperiksaan, aktiviti staf dan pelajar turut dijalankan di bangunan Pusat Tamhidi. (Mohamed Akhiruddin Ibrahim, et. al. 2015).

Selaras dengan objektif, salah satu matlamat penubuhan Pusat Tamhidi adalah untuk menambahkan peluang pengajian pra universiti khususnya kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dari sekolah-sekolah aliran agama seluruh Malaysia serta calon lepasan General Certificate Education (GCE) O Level dari seluruh dunia. Program pembangunan Pusat Tamhidi adalah disasarkan dapat membantu dalam menambah bilangan calon pelajar ke Program Ijazah Sarjana Muda di USIM. Oleh itu, setelah bangunan Pusat Tamhidi siap dibina dan beroperasi, situasi ini membolehkan Pusat Tamhidi membuat pengambilan pelajar yang lebih ramai bagi menampung permohonan yang tinggi oleh pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (Mohd Naser Mohd Sabri, et. al. 2015).

KURIKULUM, PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Falsafah USIM ialah paduan antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia menjadi teras utama membantu melahirkan generasi cemerlang. Maka Pusat Tamhidi telah memainkan peranan bagi menyediakan kurikulum yang menyokong falsafah, visi dan misi Universiti. Semua program pengajian di pusat ini menawarkan kursus-kursus yang berintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli kepada pelajar-pelajar. Seiring dengan perkembangan dunia moden hari ini, Pusat Tamhidi memfokuskan kepada beberapa bahagian program yang ditawarkan agar calon yang dilahirkan oleh Pusat Tamhidi ini bukan dinilai dari sudut kuantitinya tetap dinilai dari sudut kualitinya. Ia antara usaha untuk menyediakan pelajar yang mampu berdaya saing diperingkat fakulti sekaligus membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Sehingga kini terdapat lima program pengajian yang ditawarkan oleh Pusat Tamhidi iaitu Tamhidi Perubatan, Tamhidi Pergigian, Tamhidi Sains & Teknologi, Tamhidi Syariah & Undang-Undang dan Tamhidi Perakaunan & Muamalat. Pada setiap semester, pelajar Tamhidi mengikuti sejumlah 25 jam kredit pada setiap minggu. Dengan jumlah kredit sebanyak 25 jam tersebut, jadual perkuliahan pelajar Tamhidi adalah sangat padat. Ini memerlukan kepada komitmen yang tinggi oleh pelajar bagi mengikuti pengajian. Kelas bermula seawal 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Khamis dan akan tamat pada jam 12.30 tengahari pada hari Jumaat. Para pelajar dilatih seawal kemasukan semester lagi agar dapat memenuhi piawai pengajian (Mohd Naser Mohd Sabri, et. al. 2015).

Secara dasarnya, kaedah penyampaian kursus di peringkat pengajian tinggi adalah tidak lari daripada skop pengajian yang mana ia menggunakan beberapa kaedah yang telah ditetapkan dan dijalankan dalam beberapa bentuk antaranya syarahan, tutorial dan e-learning serta tugas dalam bentuk individu mahupun berkumpulan, perbincangan dalam kumpulan serta pembentangan (Pusat Tamhidi dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Antara lima program Tamhidi yang telah dinyatakan, program Tamhidi Syariah & Undang-Undang adalah satu-satunya program yang mewajibkan para pelajarnya untuk mengambil subjek al-Mabadi' al-Fiqhiyyah iaitu pada semester pertama. Program Tamhidi Syariah & Undang-Undang telah memulakan operasinya pada tahun 2005. Para pelajar yang berjaya menamatkan pengajian pada peringkat ini, membolehkan mereka untuk meneruskan pengajian sama ada dalam bidang Sarjana Muda Undang-Undang & Syariah (SMUS) atau Sarjana Muda Fiqh & Fatwa (FIFA) di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM. Bagi melayakkan pelajar mengikuti program Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang, calon hendaklah berjaya memperolehi *Band 4* dalam peperiksaan *Malaysian University English Test (MUET)*, di samping lulus pengajian di peringkat Tamhidi Syariah & Undang-Undang (Mohamed Akhiruddin Ibrahim, et. al. 2015).

SUBJEK AL-MABADI' AL-FIQHIYYAH

Subjek al-Mabadi' al-Fiqhiyyah ini merupakan subjek wajib bagi semester pertama pelajar-pelajar Tamhidi Syariah dan Undang-Undang. Subjek ini membekalkan ilmu pengetahuan asas perundangan Islam dan istilah-istilah Fiqh serta kemahiran-kemahiran terhadap

sesuatu Undang-Undang Islam. Kursus ini mengandungi tiga bahagian ilmu iaitu yang pertama, Usul al-Fiqh yang menerangkan tentang sumber-sumber perundangan Islam dan cara memahami sumber-sumber perundangan Islam serta cara memproses sesuatu hukum. Ilmu yang kedua, Qawaid Fiqhiyyah yang menerangkan tentang kaedah-kaedah untuk mengenal sesuatu hukum dengan mudah. Ilmu yang ketiga ialah Maqasid Syariah yang membicarakan tentang objektif sesuatu hukum dan hikmah-hikmahnya serta kesesuaian sesuatu hukum mengikut keadaan dan situasi manusia yang tertentu.

Dalam pembelajaran subjek al-Mabadi' al-Fiqhiyyah, ia terbahagi kepada beberapa topik dan sub-topik iaitu Pengenalan, Pendahuluan Fiqh, Usul Fiqh, Qawaid Fiqhiyyah, Maqasid Syariah dan Istilah-istilah Fiqhiyyah. Melalui subjek ini, para pelajar diberi pendedahan asas untuk mengenalpasti istilah-istilah perundangan Islam dan jenis-jenis hukum serta sumber-sumber hukum. Hasil daripada pembelajaran, pelajar mampu untuk menerangkan kedudukan dan kekuatan sumber-sumber perundangan Islam terhadap penggunaannya dalam mengeluarkan sesuatu hukum selain dapat membantu menambah keyakinan pelajar menyelesaikan masalah asas dalam kehidupan harian mereka. Akhir sekali, melalui subjek al-Mabadi' al-Fiqhiyyah ini, para pelajar boleh menghuraikan hubungan dan kesan terhadap pengubalan sesuatu Undang-Undang dalam perundangan Islam (Course Outline: Tamhidi Syariah dan Undang-Undang, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk satu tinjauan *pilot study* (tinjauan awal) yang dijalankan untuk mengkaji prospek pelajar ke arah persediaan melahirkan mujtahid melalui kursus al-Mabadi' al-Fiqhiyyah. Kajian *pilot study* ialah kajian versi kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian utama (Polit et al., 2001).

Salah satu kelebihan menjalankan kajian *pilot study* adalah ia mungkin memberi amaran awal tentang di mana projek penyelidikan utama boleh gagal, atau protokol penyelidikan tidak boleh diikuti, atau sama ada kaedah yang dicadangkan atau instrumen tersebut tidak sesuai atau terlalu rumit (Edwin & Vanora, 2001).

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana kaedah ini merupakan proses pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik melalui responden seramai 30 orang. Kaedah kuantitatif adalah pembolehubah yang berubah dari segi kuantitinya (Amir Hussin Baharuddin, 1989). Menurut Berg, Guba & Lincoln dan Merriam, kajian kuantitatif juga dikenali sebagai kajian positifis¹ (Berg, 2004, Guba & Lincoln, 1989, Merriam, 1998).

Secara ringkasnya, kajian kuantitatif berpaksi kepada data yang berbentuk angka. Data ini dihasilkan apabila pembolehubah yang diminati oleh responden diukur dengan menggunakan skala pengukuran yang bersesuaian melalui instrument memungut data seperti yang telah dinyatakan seperti soal selidik, skala pengkadaran dan sebagainya (Lim Chong Hin, 2007).


Dalam kajian ini, soal selidik digunakan bagi mendapatkan data (Cohen, Manoin & Marrison, 2000) menjelaskan bahawa salah satu sebab popularnya kajian jenis soal selidik adalah kerana soal selidik dapat digunakan dalam pelbagai situasi dan ditadbir tanpa kehadiran penyelidik. Juga secara perbandingan, penggunaan soal selidik membabitkan kos yang rendah dan datanya juga senang dianalisis.

Dalam kajian ini juga, responden perlu menjawab 6 soalan yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap kursus al-Mabadi' al-Fiqhiyyah. Soalan-soalan ini perlu dijawab berdasarkan Skala Likert iaitu Sangat Tidak Bersetuju (1), Tidak Bersetuju (2), Tidak Pasti (3), bersetuju (4) dan Sangat Bersetuju (5). Ini bertujuan bagi melihat dengan lebih jelas lagi sejauh mana persepsi responden terhadap kursus al-Mabadi' al-Fiqhiyyah yang diajar di Pusat Tamhidi, USIM. Hasil kajian yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22 dan hasil kajian secara diskriptif akan dilakukan.

¹ Positivis atau positivisme digagaskan oleh filsuf Auguste Comte. Pendekatan positivisme menekankan bahawa ilmu pengetahuan lahir dan berkembang melalui pengamatan objek yang positif, iaitu objek tersebut dapat ditangkap dengan pancaindera manusia ([https://www.academia.edu/3510573/Positivis dan non Positivis](https://www.academia.edu/3510573/Positivis_dan_non_Positivis))

DAPATAN KAJIAN

Soalan pertama (Rajah 1) berkaitan kursus yang mana untuk mengetahui adakah kandungan kursus ini susah untuk difahami oleh responden. 18 orang responden mengatakan bahawa tidak bersetuju bahawa kandungan kursus ini susah untuk difahami, 7 orang responden pula mengatakan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Namun 3 orang mengatakan tidak pasti dengan kenyataan ini diikuti 2 orang mengatakan bersetuju bahawa kandungan kursus ini susah untuk difahami.




Rajah 1: Peratus Persepsi Responden Terhadap Soalan 1

Soal selidik yang dijalankan turut melihat sama ada responden mendapat pengetahuan yang luas apabila mempelajari kursus ini. 20 orang responden sangat bersetuju dan sebanyak 8 orang bersetuju dengan mempelajari kursus ini mereka mendapat pengetahuan yang luas. Namun, hanya terdapat seorang responden sahaja yang mengatakan tidak bersetuju dan seorang lagi tidak pasti berkaitan dengan kenyataan yang diberikan.




Rajah 2: Peratus Persepsi Responden Terhadap Soalan 2

Selain daripada itu, responden juga turut ditanya adakah dengan melalui kursus ini dapat membantu responden mengaitkan isi kandungan kursus dengan isu-isu semasa. 15 orang responden menyatakan bahawa bersetuju dengan kenyataan yang diberikan dan 12 orang responden sangat bersetuju. Dan 3 orang responden lagi tidak pasti dengan kenyataan ini.



Rajah 3: Peratus Persepsi Responden Terhadap Soalan 3


Responden juga turut ditanya adakah melalui kursus ini dapat membantu responden memahami dan menghuraikan sesuatu isu yang dilontarkan. 14 orang responden yang menyatakan bersetuju, 9 orang daripadanya mengatakan sangat bersetuju dengan kenyataan ini. 6 orang mengatakan tidak pasti dan hanya seorang responden sahaja memberikan jawapan sangat tidak bersetuju.



Rajah 4: Peratus Persepsi Responden Terhadap Soalan 4


Kajian juga turut mengukur adakah kandungan kursus ini sama sahaja dengan kandungan kursus Al-Madkhal Ila Al-Syariah. Hasil dapatan yang diperolehi 11 orang responden mengatakan tidak bersetuju dan 4 orang responden sangat tidak bersetuju

dengan persoalan ini. Adapun 6 orang responden menyatakan bersetuju dan sangat bersetuju dengan persamaan kandungan antara dua kursus ini dan 9 orang lagi adalah tidak pasti.



Rajah 5: Peratus Persepsi Responden Terhadap Soalan 5

Kajian mendapati kursus ini berkaitan dengan tiga bidang ilmu Fiqh utama iaitu Fiqh, Usul Fiqh dan Qawa'id Fiqhiyyah. Hasil daripadanya terdapat 19 orang responden memberi respon sangat bersetuju kursus ini berkait dengan tiga bidang ilmu yang utama, dan 10 orang memberi maklumbalas yang positif dengan bersetuju kaitan kursus ini antara ilmu Fiqh yang utama. Bagaimanapun terdapat seorang responden mengatakan tidak bersetuju.



Rajah 6: Peratus Persepsi Responden Terhadap Soalan 6

PERBINCANGAN

Beberapa responden telah memberikan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh Pusat Tamhidi bagi tujuan penambahbaikan modul Al-Mabadi' al-Fiqhiyyah pada masa akan datang. Antaranya:

- i. Responden (2) “Bagi pendapat saya yang lemah, hampir 80% silibus pengajaran kursus telah dipelajari di peringkat sekolah menengah tetapi berbeza dari segi bahasa pengantaraan sahaja. Oleh itu, sedikit sebanyak menyukarkan para pelajar yang lemah bahasa Arab”.
- ii. Responden (6) menyatakan “Alhamdulillah, sepanjang saya mempelajari subjek al-Mabadi’ al-Fiqhiyyah, saya banyak membuka fikiran tentang perkembangan Islam sejak dari zaman ulama’ dahulu”.
- iii. Responden (7) menyatakan “Setiap topik dalam buku perlu dikurangkan untuk penjelasan setiap subtopik lebih panjang dan jelas”.

Berdasarkan analisis di atas, majoriti responden memberikan maklumbalas yang positif mengenai persepsi terhadap kursus al-Mabadi’ al-Fiqhiyyah. Penyelidik melihat bahawa melalui kursus ini, para pelajar telah diberi pendedahan awal kerana kursus ini berkait rapat dengan bidang Fiqh yang utama seperti Fiqh, Usul Fiqh dan Qawaid Fiqhiyyah selain dapat menambahkan pengetahuan yang luas.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan dan analisis di atas, dapat disimpulkan bahawa kursus al-Mabadi’ al-Fiqhiyyah ini merupakan satu ilmu yang sangat berguna kepada para pelajar disamping memberi input asas yang banyak berkaitan dengan ilmu Fiqh, Usul Fiqh dan Qawa’id Fiqhiyyah. Silibus yang dimasukkan di dalam kursus ini adalah wajar untuk diteruskan pada masa akan datang. Pengajaran dan pembelajaran bagi subjek ini amat sesuai disamping dapat membantu para pelajar untuk mendapat gambaran melalui isu-isu semasa yang dikupas di dalam aktiviti pembelajaran.

Justeru, melalui kursus ini para pelajar mendapat pendedahan pelbagai cabang ilmu seterusnya mampu menjadi titik permulaan dalam usaha melahirkan para pelajar yang berwibawa dan ilmuwan. Akhir sekali, analisis persepsi pelajar terhadap kursus al-Mabadi’ al-Fiqhiyyah ini mendapat tindakbalas yang positif daripada para pelajar dan ini memberi satu maklumbalas yang positif kepada Pusat Tamhidi khususnya.

RUJUKAN

- Amir Hussin Baharuddin. 1989. *Kaedah Kuantitatif Suatu Pengenalan*. USM: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berg, B.L. 2004. *Qualitative Research Methods For The Sosial Science* (ed. ke-5) Boston: Pearson Education.
- Bryman, A. & Bell, E. 3003. *Business Research Methods*. Oxford: Oxford University Press.
- Burgess, R. G. 1984. *In the Field: An Introduction To Field Research*. London: Allen and Unwin.
- Cohen, Manoin & Marrison. 2000. *Research Methods In Education* (ed. ke-5). London: Routledge Falmer.
- Course outline: Tamhidi Syariah dan Undang-Undang. 2015. Al-Mabadi’ al-Fiqhiyyah. USIM: Nilai.
- Frankfort-Nachmias, C., & Nachmias, D. 1992. *Research Methods In The Social Sciences*. London: Edward Arnold.
- Guba & Lincoln. 1989. *Fourth Generation Evaluation*. Newbury Park. CA: Sage.
- Jasmin Jaimon. et. al., Nor Azzah Momin, Hariza Mohd Yusof, Mohd Helmi Masor@Mansor, Noor Adibah Mohamad, Rozana Kamdani, Muhammad Hafizi Ahmad. 2015. *USIM: Menerajui Integrasi Ilmu Naqli & Aqli*. USIM: Nilai.
- Kandil, Hisham Muhammad Taky Eldin, Sapora Sipon, Nidzamuddin Zakaria, Anuar Sani, Hariza Mohd Yusof. 2007. *USIM Merintis Kejayaan*. USIM: Nilai.
- Kvale, S. 1996. *Interviews: An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Lim Chong Hin. 2007. *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. The Graaq Hill Education: Selangor.

- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey- Bass.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mazlina Mohamed Tamjid, Mohd Nurhakimi Md Yaman. 2015. *11 Tahun Tamhidi Menerajui Kurikulum Berteraskan Integrasi Ilmu Naqli & Aqli: Tinjauan Terhadap Enrolmen Pelajar*. Prosiding Konvensyen Sains Islam 2015 (KONGSI'15). USIM: Nilai
- Mohd Naser Mohd Sabri, Azniwati Abdul Aziz, Mohamed Akhiruddin Ibrahim. 2015. *Sains Islam dan Pendidikan: Ke Arah Melahirkan Generasi Terbilang*. Darul Syakir Enterprise: Bangi.
- Musa Ahmad. 2015. *Amanat Tahun 2015 Menggapai Jaya USIM '16*. USIM: Nilai.
- Noorumaina Mohamed Yunus. 2015. *Memperkasa Budaya Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli-Amanat Naib Canselor 2015*. Pusat Komunikasi Strategik (STRACOMM). USIM: Nilai.
- Panduan 2005-2006 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. 2005. KUIM: Nilai.
- Patton, M.Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods* (ed. ke-2). Newbury Park, CA: Sage.
- Pusat Tamhidi dan Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Course Outline of Tamhidi Centre*. USIM: Nilai.
- Risalah USIM. 2015. www.usim.edu.my. Issue no 25. (April-Jun 2015). ISSN: 1511-9313
- Seidman, I. 1998. *Interviewing as qualitative research* (ed. ke-2). New York: Teachers College Press.

Internet

- Berita Harian. 2002. http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=7294. (diakses pada 27 April 2016).
- Edwin R. Van Teijlingen & Vanora Hundley. 2001. *The Importance Of Pilot Studies*. <http://sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html> (diakses pada 23 September 2015).
- Polit, D. F., Beck, C. T. & Hungler, B. P. 2001. *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization*. 5th Ed., Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins (dalam <http://sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html>).
- Positivis dan Non Positivis. https://www.academia.edu/3510573/Positivis_dan_non_Positivis. (diakses pada 26 April 2016).
- Pusat Tamhidi. <http://tamhidi.usim.edu.my/info-usim/latar-belakang> (diakses pada 10 Febuari 2016).
- Universiti Sains Islam Malaysia. <http://www.usim.edu.my/info/latar-belakang/sejarah-usim>. (diakses pada 22 Febuari 2016).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.